

BERITA

H



SIL

EDISI
02
2022
PERCUMA
www.hasil.gov.my



CUKAI MAKMUR :
Penaan Dan Implikasi

TAHNIAH HASIL :
Best FPX Merchant
(Government Sector)

HASIL

TANGANI ISU

Ekonomi Bayangan

ByrHASiL

**Bayaran dah mudah,
kenapa nak susah?**

<https://mytax.hasil.gov.my>



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMOfficial](https://twitter.com/LHDNMOfficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT


Tahniah

HASIL

BEST FPX MERCHANT (GOVERNMENT SECTOR)

Tahniah HASIL atas penerimaan
Anugerah Best FPX Merchant (Government Sector)
di Majlis e-Payment Excellence Awards 2022 anjuran
Payments Network Malaysia (Paynet).

20 Julai 2022





Tahniah HASILIAN

ATAS KEJAYAAN AUDIT PEMANTAUAN 1 BAGI ISO 22301:2019
dan persijilan diteruskan sehingga 10 Mei 2024

LAWATAN AUDIT OLEH SIRIM PADA 17-18 MEI 2022
BAGI SKOP

*Bayaran Balik Cukai Pendapatan Syarikat yang dikendalikan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di Ibu Pejabat Menara Hasil Cyberjaya*

PASUKAN PELAKSANA YANG TERLIBAT

JABATAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO | JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT |
JABATAN OPERASI CUKAI | JABATAN PUNGUTAN HASIL
JABATAN LOGISTIK KORPORAT | JABATAN KHIDMAT KORPORAT
BAHAGIAN KOMUNIKASI, PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ISI KANDUNGAN

Ikon

Tn Haji Mohamad Zain Bin
Mohamad Said : Pengarah Negeri,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 4

Fokus Cukai

HASiL Tangani Isu
Ekonomi Bayangan 9

Semasa

Cukai Makmur :
Penaan Dan Implikasi 13
Hasil Research Snapshot
(HRS) 2022 : Tax Incentives:
Tax Revenue Versus GDP In Malaysia 16

Rangkuman

CTIM Tax Audit And Investigation
Roadshow 2022 20
HASiL - Malaysian Employers
Federation (MEF) Tax Webinar 22
Konvensyen Siasatan Kali Ke-10 24
Program Lawatan Konsultasi
HASiL Peringkat Nasional 26
HASiL - Taxplorace 2022 Sempena
Program Kementerian Kewangan
Malaysia Bersama Pelanggan 27
Konvensyen Operasi 2022 29

Klinik Cukai

Tanggungjawab Pembayar
Cukai Majikan 34
HASiL Edu4u - Aktiviti
Pendidikan Cukai HASiL 36

Inspirasi

The Secret To Living
Is Giving : How To Become
A Philanthropists? 40

HASiL Prihatin

Rangkuman Aktiviti CSR HASiL 42

Cetusan

Kemahiran Interpersonal Dan
Komunikasi, Sekadar Untuk
Kerjaya Atau Perlu Ada? 44

Istilah

Istilah Percukaian 46

TEAM BERITA HASIL

PENAUNG :

YBhg. Datuk Mohd. Nizom Sairi

PENASIHAT :

Hishamudin Mohamed

PENYELARAS :

Kasmawati Moin

SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :

Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,
Jabatan Khidmat Korporat

PEREKA GRAFIK :

Giga Wise Network Sdn. Bhd.

TERIMA KASIH :

YBrs. Tn. Haji Mohamad Zain Bin Mohamad Said,
Pengarah Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jabatan Penyelidikan Percukaian

Jabatan Siasatan

Jabatan Perisikan Dan Profiling

Jabatan Operasi Cukai

Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat

Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi, Jabatan Khidmat Korporat

EDARAN :

Pusat Sumber LHDNM

TARIKH KELUARAN :

Ogos 2022

CETAKAN :

Gigawise Network Sdn Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89,
HICOM Heavy Industrial Park
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004

 Giga Wise Network Sdn Bhd  www.gigaprint2u.com

TN HAJI MOHAMAD ZAIN BIN MOHAMAD SAID

Pengarah Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

OLEH: BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN MULTIMEDIA, JABATAN KHIDMAT KORPORAT



Santai Namun Sampai

Begitulah yang boleh diumpamakan dengan hasil pertemuan kami bersama-sama personaliti yang ditonjolkan dalam edisi kali ini. Pelbagai perkara yang dikongsikan beliau dalam menelusuri perjalanan kerjaya sebagai HASiLian merangkumi terhadap organisasi, kerjaya malah prinsip kehidupan sebelum menamatkan perkhidmatan pada November 2022 nanti.

MOTIVASI

Cara Kekal Bermotivasi

Suatu perkara yang selalu saya ingatkan kepada pegawai seliaan saya, keseronokan bekerja adalah satu elemen yang sangat penting dalam memastikan prestasi kerja yang cemerlang. Ini memandangkan sebahagian besar waktu aktif kehidupan seharian kita adalah di pejabat.

Oleh itu, amat penting untuk kita terapkan beberapa perkara bagi mewujudkan persekitaran kerjaya yang menyeronokkan, antaranya:

1. Sentiasa memaafkan

Perkara pertama yang perlu dibuat dalam mewujudkan persekitaran kerja yang menyeronokkan ialah selalu memaafkan orang sekeliling, dan hendaklah bermula waktu pagi di rumah. Kesannya, hari kita akan dimulakan dengan hati yang lapang dan pemikiran yang tenang.

2. Mulakan pekerjaan dengan niat

Sebagai insan, kita tidak mungkin mampu untuk menunaikan ibadah sepenuh masa dalam hidup. Oleh itu, segala usaha yang dicurahkan dalam pekerjaan sehari-hari hendaklah diniatkan sebagai ibadah. Dengan itu, apa yang kita lakukan bukan sahaja dibayar dalam bentuk wang ringgit, malah kita juga memperoleh ganjaran pahala dari Allah SWT.

3. Keterbukaan dalam berkongsi masalah

Setiap daripada kita pastinya ada masalah dihadapi dalam kehidupan. Tidak dapat dinafikan, sedikit sebanyak ia akan mengganggu tumpuan kerja sekiranya tidak ditangani dengan segera.

Penting bagi seseorang untuk meluahkan serta berkongsi dengan orang yang paling rapat dan dipercayai bagi meringankan beban yang terbuku dalam diri mereka. Sekiranya masalah tersebut dirasakan tidak dapat

diatasi sehingga membawa impak kepada prestasi kerja, ketua hendaklah berperanan untuk membantu pegawai menangannya.

4. Sentiasa mengutamakan kesihatan

Kesihatan perlu dititikberatkan kerana ia akan memberikan kesan langsung terhadap prestasi kerja. Kadang-kadang apabila bercakap tentang kesihatan, kita selalu fokus kepada senaman fizikal. Kita lupa amalan pemakanan yang sihat lebih penting dalam memastikan kesihatan yang baik.

5. Jaga solat (bagi Muslim)

Saya suka berkongsi Firman Allah, “Jika sekiranya penduduk sesuatu tempat itu beriman dan bertakwa, nescaya Allah akan turunkan barokah dari langit dan bumi (Ayat 96: Surah Al-A'raf).” Ketenangan akan dirasai sekiranya ada keberkatan dalam setiap yang dilaksanakan. Di pejabat, saya sentiasa mendorong pegawai seliaan saya untuk berjemaah. Solat berjemaah bukan sahaja mempunyai kelebihan 27 darjat berbanding solat bersendirian, namun nilai murni yang diperoleh daripada amalan itu lebih utama. Secara automatik, kita akan amalkan semangat berpasukan, hormat menghormati dan menghargai masa.

Memotivasikan Pegawai Seliaan dan Asas Kepimpinan Yang Baik

Keberkatan dalam kerja itu sangat penting. Dalam kerja seharian, adakalanya kita terpaksa menjalankan urusan peribadi dalam waktu pejabat. Alangkah moleknnya kalau kita menggantikan masa yang hilang tadi dengan membuat sumbangan masa selepas waktu kerja, mahupun dalam kelapangan masa yang ada. Saya percaya, jika kita faham konsep keberkatan rezeki dengan menjaga perkara-perkara kecil sebegini, ia akan membawa nilai dan impak yang besar dalam hidup kita.

Sebagai ketua, kita perlu mulakan hari dengan perkara yang baik. Setiap pagi, saya akan berkongsi motivasi dengan pegawai-pegawai saya. Selain daripada itu, setiap kita hendaklah sentiasa menghargai masa kerana ia turut melibatkan pihak yang lain. Jika kita tidak mematuhi masa, secara tidak langsung kita

turut mencuri masa orang lain yang mungkin telah diatur untuk perkara-perkara yang lebih penting oleh mereka.

Seorang pemimpin juga perlu sentiasa bersedia berkongsi dan tidak lokek dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki. Kita perlu membantu pegawai seliaan menyelesaikan apa saja kesulitan mereka. Setiap pegawai mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang berbeza. Adalah menjadi tugas ketua untuk menilai semua kelebihan ini, agar ianya dapat digunakan dengan sebaiknya dan dikongsi pula dengan pegawai lain.

Sabar dan bertenang merupakan kunci penting yang perlu ada pada seorang ketua. Apabila kita mampu untuk tenang dan bahagiakan diri sendiri, kita juga boleh menenangkan serta membahagiakan orang lain, sekaligus mencipta persekitaran kerja yang sihat bersama-sama pegawai seliaan.

Sekiranya berkelapangan, ambillah sedikit masa meninjau suasana bekerja dan bertanya khabar sesama pegawai. Aktiviti seperti Jalinan Muhibbah Sarapan Bersama dan sesi perjumpaan terbuka juga boleh diadakan mengikut kesesuaian masa, bagi mengeratkan hubungan antara pengurusan dengan pegawai. Aktiviti ini mungkin dilihat ‘biasa’ atau mudah, tetapi memberi impak yang besar, yang mendorong kepada peningkatan prestasi pegawai.

CABARAN

Cabaran Dalam Tugas Dan Penyelesaian

Menerajui Pejabat Pengarah Negeri (PPN) yang bertanggungjawab ke atas kutipan tertinggi, cabaran utama saya adalah untuk memastikan motivasi pegawai sentiasa berada dalam tahap terbaik. Sokongan yang diberikan bukan sahaja dalam aspek kerja, malah melibatkan program dan aktiviti yang dianjurkan. Saya sering menekankan bagi pegawai di cawangan, pelanggan mereka adalah pembayar cukai. Bagi kita di peringkat Pengurusan, pelanggan kita termasuk juga pegawai-pegawai. Sokongan dan galakan sebegini akan membuatkan pegawai rasa dihargai, seterusnya sebagai dorongan untuk terus memberikan pulangan yang terbaik dalam kerja seharian mereka.

WAWASAN DAN HALA TUJU

Hala Tuju PPN WP Kuala Lumpur

PPN WP Kuala Lumpur merupakan PPN yang menyumbang kepada kutipan cukai tertinggi HASiL. Untuk itu, kami perlu sentiasa berusaha untuk berada selangkah di hadapan, memberi contoh terbaik dari segi pengurusan dalaman mahupun dalam aspek kutipan cukai. Saya berharap, PPN WP Kuala Lumpur sentiasa berada di hadapan, menjadi pimpinan kepada PPN-PPN lain, selaras dengan kedudukannya sebagai PPN terbesar.

Harapan Terhadap HASiL

HASiL sememangnya sudah sedia unggul dari berbagai sudut, mempunyai pegawai-pegawai yang hebat, penghasilan kerja yang berkualiti, malah turut diiktiraf oleh pihak luar dengan pencapaian aktiviti ko-kurikulum yang luar biasa. Jadi pada saya, kita telah berada dalam di atas landasan yang betul dan tepat serta wajar diteruskan.

Jika ditanya tentang harapan, saya berharap agar suatu hari nanti, masyarakat di luar sana turut mengubah persepsi mereka terhadap cukai. Apabila mereka sedar akan tanggungjawab ini, mereka sendiri akan suka dan rela untuk membayar cukai.

Kita lihat tanggungjawab membayar cukai dan zakat. Sekiranya pembayar cukai ini faham bahawa cukai yang mereka bayar digunakan kepada skop yang lebih besar, mereka akan berlapang dada untuk menunaikan kedua-duanya. Ini kerana mereka jelas bahawa sebahagian daripada pendapatan

mereka disalurkan demi tuntutan agama, manakala bahagian cukai pula adalah untuk kepentingan yang lebih luas.

Dalam masa yang sama, pegawai kita juga haruslah mempunyai kompetensi yang terbaik. Mereka perlu mempersiapkan diri dengan segala ilmu percukaian dan berusaha untuk menambah baik nilai diri sendiri bagi persediaan semasa berurusan dengan pembayar cukai. Jika perlu, *job rotation* dibuat melibatkan semua lapisan pekerja dalam usaha menjadikan pegawai kita berkompentensi tinggi dan berpeluang bekerja dalam semua sudut percukaian.

Nilai Tambah Kepada Prestasi Semasa HASiL

Saya bersyukur, baik dari sudut PPN WP Kuala Lumpur mahupun HASiL secara keseluruhan, saya lihat kita berada di landasan yang terbaik. Secara peribadi, saya berpuas hati dengan segala yang telah dicapai oleh HASiL. Sebagai pemimpin, kita perlu terus menyokong pegawai agar mereka sentiasa merasakan bahawa mereka adalah aset terbaik organisasi. Jika motivasi pegawai berada dalam tahap tertinggi, semestinya mereka akan terjemahkannya kepada prestasi kerja yang cemerlang dan terbaik.

INSPIRASI BUAT HASILIAN

Saya selalu mengingatkan "*Kalau tak dapat Sapa yang kita suka, sukalah dengan apa yang kita dapat*". Maksudnya apabila kita suka dengan sesuatu pasti kita berusaha sedaya upaya untuk mencapainya pada tahap yang tertinggi. Apabila



kita suka dengan sesuatu pekerjaan, secara tak langsung, kita akan mencurahkan sepenuh tenaga, semangat yang tinggi serta seronok untuk melaksanakannya. Kemudian mengimpikan pencapaian yang terbaik.

Namun, hasilnya terserah kepada Allah. Kadang-kadang tidak semua yang terhasil adalah apa yang kita impikan. Di sinilah perlunya reda dan harus yakin apa yang Allah kurniakan adalah yang terbaik. Rezeki yang diperoleh sebenarnya datang dalam pelbagai bentuk, bukan sekadar wang ringgit sahaja. Kesihatan yang baik, persekitaran yang menyenangkan, mudah melaksanakan kerja dan keluarga yang memahami, itu juga antara cabang rezeki yang perlu dihargai. Itulah pentingnya konsep bersyukur diterapkan dalam kehidupan kita.

Kenangan Tidak Dapat Dilupakan Sepanjang Perkhidmatan

- Antara perkara yang akan bersama kita selepas kita tiada lagi di dunia ini adalah ilmu bermanfaat yang dikongsi sesama sahabat handai. Sepanjang perkhidmatan, saya sering mendapat peluang sama ada dijemput ke seluruh negara, atau dalam platform tertentu untuk sesi perkongsian ilmu. Peluang ini pastinya memberikan kepuasan kepada saya kerana dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman, terutama dalam bidang pengauditan dan percukaian. Seterusnya, saya berharap agar perkongsian ini tertulis sebagai ibadah yang akan kekal bersama saya selepas saya tiada nanti.
- Musibah banjir besar di Kota Bharu pada penghujung tahun 2014 semasa saya memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Cawangan, pastinya menjadi pengalaman yang sukar dilupai. Pengalaman menguruskan aset pejabat dan pegawai serta berhadapan dengan situasi mendesak dan keadaan yang mencabar tersebut, pastinya menjadi kenangan yang sentiasa saya ingati dalam lipatan sejarah hidup saya bersama LHDNM.

SANTAI SEMINIT

1. **Hobi pada masa lapang** : mengemas
2. **Warna pilihan** : biru
3. **Jika bukan seorang pegawai LHDN, apakah cita-cita atau karier pilihan Tn Haji Mohamad Zain** : mungkin seorang Penulis

4. **Pandangan tentang tanggungjawab** : kena selalu beringat tentang dosa dan pahala
5. **Pandangan tentang integriti** : berbuat perkara yang ketika tiada orang lebih sukar
6. **Pandangan terhadap sosial media** : perlu nilai sebelum terima
7. **Tonton filem atau baca buku?** tonton filem
8. **Golf atau bola sepak?** bola sepak
9. **Melancong atau memancing?** melancong
10. **Harapan terhadap generasi baharu:** berusaha berbuat baik walaupun bukan yang terbaik

Tiga (3) perkara yang bukan senang nak dibuat, tetapi perlu dibiasakan:

- i. Sentiasa berterima kasih
- ii. Sentiasa meminta maaf
- iii. Sentiasa memaafkan



Tahniah

HASIL

BEST FPX MERCHANT (GOVERNMENT SECTOR)

Tahniah HASIL atas penerimaan
Anugerah Best FPX Merchant (Government Sector)
di Majlis e-Payment Excellence Awards 2022 anjuran
Payments Network Malaysia (Paynet).

20 Julai 2022



HASIL TANGANI ISU EKONOMI BAYANGAN

OLEH: BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN MULTIMEDIA, JABATAN KHIDMAT KORPORAT

Demi memastikan masa depan dan kemakmuran negara terus terjamin, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menggalakkan pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat melalui pematuhan undang-undang percukaian. Menerusi Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2021, sebanyak 40.9% hasil Kerajaan datangnya daripada kutipan cukai langsung oleh HASiL telah digunakan untuk pembangunan negara dan perkhidmatan kepada masyarakat seperti penjagaan kesihatan, pendidikan, membantu golongan yang memerlukan dan banyak lagi.

Dalam mengharungi keadaan ekonomi yang mencabar pada masa sekarang, Kerajaan berusaha memperluaskan asas percukaian negara termasuk memerangi aktiviti ekonomi bayangan yang dilihat memberi impak negatif kepada masyarakat dan negara.

Aktiviti ekonomi bayangan merangkumi segala aktiviti ekonomi yang tidak sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, ekonomi yang sah di sisi undang-undang juga boleh dikategorikan sebagai ekonomi bayangan sekiranya pendapatan tidak dilaporkan. Sindiket jenayah dan amalan rasuah antara aktiviti yang dikaitkan dengan ekonomi bayangan.



IMPAK NEGATIF KEPADA MASYARAKAT

Pendapatan yang tidak dilaporkan boleh menyebabkan kehilangan besar hasil negara, secara tidak langsung menjejaskan pembangunan dan kemakmuran negara. Tanpa disedari, pekerja yang terlibat juga boleh dieksploitasi apabila hak untuk menikmati manfaat seperti pekerja di bawah definisi undang-undang buruh di Malaysia dinafikan termasuk masalah gaji, faedah keselamatan dan kesihatan.

Aktiviti yang dijalankan dalam ekonomi bayangan turut mewujudkan persaingan tidak sihat. Bayangkan betapa beruntungnya perniagaan yang dijalankan oleh warga asing menggunakan lesen yang diperoleh daripada warga tempatan. Pendapatan atau keuntungan hasil daripada perniagaan tersebut tidak dilaporkan kepada HASIL seperti mana yang dilakukan oleh perniagaan yang berlandaskan undang-undang.

Impak yang ditakuti akibat ekonomi bayangan ini adalah apabila melibatkan keselamatan dan kesihatan pengguna seperti terdedah kepada produk yang tidak bermutu dan di luar kawalan penguatkuasa yang terlibat.

Aktiviti ekonomi bayangan memberi kesan yang besar terhadap jurang cukai di mana hasil negara tidak dapat dikutip secara optimum dan mengakibatkan Kerajaan tiada dana yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan negara. Kerajaan menganggarkan saiz ekonomi bayangan di Malaysia sekitar 21% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Peratusan ini menunjukkan begitu banyak kerugian dialami negara akibat kehilangan hasil cukai.

Sekiranya isu ini tidak ditangani dengan segera, bukan sahaja menyebabkan kehilangan pendapatan yang besar kepada negara, bahkan secara tidak langsung mencerminkan ketidakcekapan agensi-agensi dan jentera penguatkuasaan kerajaan dalam membendung isu-isu berkaitan aktiviti ekonomi bayangan.

HASIL TANGANI EKONOMI BAYANGAN

HASiL sentiasa proaktif dalam menangani isu ini bagi meningkatkan kadar pematuhan percukaian dan menambah kutipan hasil negara. Beberapa usaha diambil dalam menangani isu ini antaranya dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu *Shadow Economy* bagi menjalankan aktiviti pengesanan, pemantauan dan penguatkuasaan selain merangka strategi berfokus dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta kepercayaan orang awam terhadap sistem percukaian negara.

Bukan itu sahaja, penggunaan Big Data yang menggunakan data dalaman dan luaran bagi meningkatkan kadar pematuhan dalam kalangan pembayar cukai termasuk mereka yang tiada dalam jaringan cukai HASiL antara strategi yang digunakan selain daripada mengendalikan kes aktiviti haram seperti perjudian, penyeludupan dan pengubahan wang haram.

Pertukaran maklumat secara automatik bagi tujuan membanteras pengelakan cukai di peringkat antarabangsa menerusi ***Automatic Exchange of Information (AEOI)*** di antara pentadbir cukai luar negara turut digunakan oleh HASiL bagi menangani isu ekonomi bayangan selain memantau perniagaan berasaskan tunai seperti restoran dan *foodtruck* melibatkan warga tempatan dan asing.

Kesimpulan

Kerjasama semua dalam membanteras aktiviti ekonomi bayangan adalah sangat penting. Orang awam boleh membuat Aduan Pelarian Cukai menerusi surat yang dihantar ke Jabatan Perisikan dan Profiling (JPDP) atau emel kepada pelariancukai@hasil.gov.my. Aduan juga boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-8913 3990 atau 03-8913 3800 selain hadir sendiri ke pejabat HASiL. Laksanakan tanggungjawab sebagai rakyat prihatin. Bantulah negara membanteras pengelak cukai pendapatan

Artikel ini dikeluarkan dalam akhbar Sin Chew Daily pada 25 Disember 2021



PASTIKAN BAYARAN DIBUAT KEPADA PENERIMA YANG TEPAT

**BAYARAN
CUKAI PENDAPATAN
&
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH**

Dibayar kepada:

**KETUA PENGARAH
HASIL DALAM NEGERI**

**BAYARAN
DUTI SETEM**

Dibayar kepada:

PEMUNGUT DUTI SETEM

**BAYARAN
DALAM TALIAN**

Dibayar kepada:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT

CUKAI MAKMUR PENGENAAN DAN IMPLIKASI HASIL

OLEH: JABATAN PENYELIDIKAN PERCUKAIAN

PENDAHULUAN

Bajet 2022 bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera’ mendukung tiga paksi utama iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan. Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, semasa pembentangan Bajet 2022 di Dewan Rakyat pada 29 Oktober 2021 mengumumkan bahawa;

“Berikutan krisis pandemik COVID-19, keperluan meningkat untuk membiayai golongan rakyat yang terjejas. Bagi memastikan sistem kesihatan awam lebih berdaya tahan dalam menghadapi sebarang ancaman pada masa hadapan, Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai khas secara one-off kepada syarikat yang menjana pendapatan tinggi.”

PENGENALAN

Cukai Makmur atau *Prosperity Tax* adalah cukai khas secara *one-off* kepada syarikat yang menjana pendapatan tinggi.


TUJUAN PENGENAAN

Cukai Makmur diperkenalkan bertujuan untuk mengenakan cukai yang berpadanan kepada syarikat yang memperoleh keuntungan yang tinggi walaupun berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19. Hasrat kerajaan adalah

untuk menggunakan hasil cukai tambahan *one-off* ini untuk membiayai pelbagai aktiviti dan program pemulihan khusus bagi membantu golongan sasaran yang terkesan dengan COVID-19.

CUKAI SEMASA SYARIKAT

Secara umumnya, syarikat dikenakan cukai pada kadar 24% ke atas pendapatan bercukai. Namun begitu, kadar cukai preferential (17% dan 24%) boleh dinikmati oleh syarikat yang memenuhi kriteria di bawah perenggan 2A, Bahagian 1, Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan 1967.



PENGENAAN CUKAI MAKMUR

Cukai pendapatan khas secara one-off dikenakan kepada syarikat yang memperolehi pendapatan bercukai melebihi RM100 juta bagi tahun taksiran 2022 seperti pengiraan berikut:

PENDAPATAN BERCUKAI	KADAR CUKAI
RM100 juta pertama	24%
Melebihi RM100 juta	33%

Cukai Makmur ini terpakai kepada syarikat meliputi semua industri dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta, tidak termasuk peremitan pendapatan dari luar negara.



IMPLIKASI HASIL

Syarikat yang dikenakan Cukai Makmur dikenali pasti dengan melihat kepada data CP204 (anggaran cukai) Tahun Taksiran 2022 yang dikemukakan kepada LHDNM. Syarikat berkenaan adalah syarikat yang anggaran cukainya berjumlah melebihi RM24 juta.

Unjuran awal menunjukkan sebanyak 251 buah syarikat yang akan tertakluk kepada pengenaan Cukai Makmur dan anggaran tambahan cukai yang akan dikutip adalah sekitar RM5 bilion. Amaun kutipan cukai one-off ini akan menyumbang sebanyak 2.13% berbanding anggaran hasil Kerajaan bagi tahun 2022 berjumlah RM234 bilion.

Anggaran tambahan cukai yang dinyatakan di atas belum dimuktamadkan dan akan sentiasa berubah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- Pindaan bayaran anggaran cukai CP204 pada bulan ke-6, 9 dan 11 bagi Tahun Taksiran (TT) 2022 mengikut tempoh perakaunan syarikat;
- Bahagian pendapatan bercukai yang dikenakan cukai pada kadar khas iaitu 8% (pendapatan insurans/insurans semula, takaful/takaful semula, dana hayat & dana takaful), 10% (pendapatan Seksyen 4A dan royalti), 15% (pendapatan faedah) yang dianggarkan bersama pendapatan kena cukai pada kadar 24%;

- Kesan perubahan iklim ekonomi semasa sepanjang tahun 2022; dan
- Tanggungan cukai pendapatan syarikat yang perlu dibayar dimuktamadkan melalui pemfailan Borang Nyata Cukai Pendapatan syarikat bagi TT 2022.

PENYUMBANG CUKAI

Syarikat yang tertakluk kepada pengenaan Cukai Makmur merangkumi pelbagai sektor ekonomi.

Syarikat daripada sektor Kewangan dan Insurans/ Takaful merupakan penyumbang cukai tertinggi iaitu pada kadar 41.67%, diikuti oleh sektor Pembuatan pada kadar 26.67%.

Sektor Pembekal Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Hawa pula menyumbang sebanyak 8.28% dan Sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal menyumbang sebanyak 6.09%.

Syarikat lain yang turut menyumbang kepada kutipan Cukai Makmur adalah daripada sektor Maklumat dan Komunikasi, Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Pengangkutan dan Penyimpanan serta lain-lain sektor yang menyumbang kurang daripada 4% masing-masing.

PENGENAAN CUKAI MAKMUR

Country	Tax Measures	Effective Date/Year
United Kingdom	<ul style="list-style-type: none"> » Increase in the CIT rate from 19% to 25% to businesses with profits of more than GBP 250 000 » Increase in the Diverted Profits Tax from 25% to 31% 	April 2023
Netherlands	<ul style="list-style-type: none"> » Reversed the intended decrease of the higher CIT rate (which was announced in November 2019 for year 2021) to 21.7%, maintaining the rate at 25% » This will apply on profits up to EUR245,000, up from EUR200,000 currently. This threshold will increase further to EUR395,000 in 2022. 	2021
	<ul style="list-style-type: none"> » Increased the rate of the Dutch innovation box regime (Applies with respect to profits, including royalties, derived from a self-developed intangible asset) from 7% to 9%. 	1.1. 2021
Hungary	<ul style="list-style-type: none"> » Temporarily introduced a one-off tax on banks and credit institutions and a special retail tax during the first half of 2020. » All credit institutions were required to pay a one-off 0.19% epidemiological tax on the base of the bank tax in excess of HUF 50 billion. The tax base is the net turnover from retail . 	Middle of 2020
France	<ul style="list-style-type: none"> » Temporary tax on private healthcare providers 	2021
The Slovak Republic	<ul style="list-style-type: none"> » Reduced the threshold (from EUR 100,000 to 49,790) for micro-taxpayers benefit from a 15% CIT reduced rate (Standard corporate tax rate:21%) 	From 2021 onwards

Sumber : Tax Policy Reforms 2021; Special Edition on Tax Policy during the COVID-19 Pandemic

KESIMPULAN

Tahun 2022 Bank Negara Malaysia (BNM) mengunjurkan semua sektor ekonomi berkembang dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dijangka terus bertambah baik dengan berkembang antara 5.3% hingga 6.3% diterajui oleh Sektor Perkhidmatan.

Sejajar dengan itu, sumbangan warga korporat sebagai sebuah Keluarga Malaysia dalam merealisasikan pelaksanaan Cukai Makmur menghasilkan pendapatan tambahan sekitar RM5 bilion sudah tentu dapat membantu Kerajaan ke arah pemulihan dan kemakmuran negara.

RUJUKAN

1. Ucapan Bajet 2022, Kementerian Kewangan Malaysia
2. Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 3/2022 bertarikh 31 Mac 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia
3. Laporan Kajian Ekonomi dan Kewangan 2021, Bank Negara Malaysia
4. Slaid Bajet 2022, Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM
5. OECD: Tax Policy Reforms 2021; Special Edition on Tax Policy during the COVID-19 Pandemic

HASILIAN RESEARCH SNAPSHOT : TAX INCENTIVES: TAX REVENUE VERSUS GDP IN MALAYSIA

BY: DR MARLIZA BINTI MOHAMED, TAX RESEARCH DEPARTMENT

ABSTRACT

- Malaysia is geographically blessed country, resourceful, conducive with established infrastructures, over other members of ASEAN. Lucrative Fiscal Incentives are value added feature in welcoming foreign investors.
- MNEs conduct business in low tax regime, with large business profits, and sustainable returns.
- Companies could diversify business profits into venture capitals and private equities, with extensive investment returns and capital gains upon realisation.
- Despite forgone tax revenue, Malaysia continues furthering tax incentives for FDI.

PROBLEM STATEMENT

The ASEAN Economic Community (AEC) did not incorporate rules on taxation in any of the regional/production market. Hence, members of ASEAN continue using Tax Incentives competing for FDI to boost GDP.

RESEARCH QUESTION

The main issues of Tax Incentives are inequities and forgone revenue. To what extent of the effect of Tax Incentives on economic development and revenue forgone?

OBJECTIVES

To examine the economic effects of Tax Reforms and Tax Incentives on FDI and Corporate Taxes in Malaysia.

METHODOLOGY

Correlating Tax, FDI and GDP statistics over a period of high to low tax reforms on direct taxes with growing Tax Incentives.

TAX REGIME

Tax Cuts

- Our tax system has evolved historically through a series of reforms, from high to low tax regime. Tax reform is designed according to economic and political structures, mainly on improving equity and economic effects.
- The choice of tax instruments was a compromise between different points of view, mainly to spur economic development.
- Among significant tax reforms are:
 - i. Taxation is on territorial basis, where repatriation money is exempt from tax.
 - ii. Severance Taxation, Excess Profit Tax, Development Tax and Estate Duty were repealed in the 1980s and 1990s.
 - iii. Corporate Statutory Tax Rate (STR) was largely reduced from 40% (1970s), 35% (1980s), 30% (1990s) and 17% or 24% by capital/profit size (2015....).
 - iv. Capital Gain Tax (CGT) in terms of Real Property Gains Tax (RPGT), is based on the realisation of real property assets. RPGT rate is in accordance with the holding period at marginal tax rate of 30%; regardless of the profit size.
 - v. Self-assessment and current year basis assessment in the 2000-2004.
 - vi. Gift/Wealth/Surtax taxes are not applicable.

- vii. Stamp duties, remain low with remission of charges and exemption orders, to support economic activities.

Tax Incentives

- Despite a narrow tax landscape, Tax Incentives remain the cornerstone of pro-growth fiscal policy.
- Tax Incentives are granted to companies in the form of tax exemption such as Pioneer Status, or Tax Credit relating to capital investment and Investment Tax Allowance (ITA) which is cost-based measure.
- Stimulus packages are available for companies: in the manufacturing sector; commercializing R&D findings of public/private research institutions; and dealing with promoted sectors in the economic zones and investment corridors.
- Companies in the Federal Territory of Labuan may be exempt or taxed at only 3%, or make

an irrecoverable selection to be taxed under STR to be entitled for double taxation relief.

ANALYSIS AND INSIGHTS

Tax Reforms

- Current year basis assessment increases corporate tax revenue as share of GDP by 0.02 percentage point.
- Self-assessment-tax system increases corporate tax revenue as share of GDP by 0.01 percentage point.
- However, revenue positive effects, have been gradually suppressed by the reduction of STR and Corporate Effective Tax Rate (ETR), partly due to tax incentives.
- Line chart as in Table 1 indicates structural shift of Corporate Tax : GDP ratio by declining corporate tax growth.




Table 1: Line chart for personal tax and corporate tax in absolute value and tax as share of GDP nominal in percentage point.

FDI and Tax Incentives

- Tax Incentives may have led to economic growth to a certain extent. FDI net inflow growth contributed to more than 10% foreign equity in Malaysia's companies, until 2008.
- FDI net inflow, then, decline, partly due to lower equity and investment shares, and higher loans extended to affiliates abroad.
- Over the period of 2013 to 2020, trend in both, Net FDI : GDP and Corporate Tax : GDP ratios declined, as in Table 2
- Downward trend in the macro ratios implies "partial and non-linear role of tax incentives" in attracting FDI.
- Over two decades, the number of foreign companies remain at 5% of total, with turnover/sales between 25% and 35%, of the corporate tax base.
- Foreign companies pay lower taxes, by the proportion of tax to sales. Tax as share of sales in foreign companies; range from 0.84% to 1.25% versus local companies between 1.43% and 2.01%.
- In summary, the positive role of Tax Incentives on FDI and GDP is non-linear, impacting corporate tax revenue and limiting government fund.

Year	Percentage ratio	
	Corporate tax : GDP	Net FDI : GDP
2013	6.39%	3.75%
2014	6.32%	3.19%
2015	6.13%	3.40%
2016	5.37%	3.84%
2017	5.29%	3.11%
2018	5.15%	2.25%
2019	4.98%	2.27%
2020	4.45%	0.98%
2013-2020		

Table 2: Trend in corporate tax and FDI net inflow in relation to GDP

Returns on Capital Investment

- Companies indicate strategies in retaining business profits into passive or active investing, earning capital returns, in the form of rental income and asset realisation.
- “Property Market Overview, Buying Guides, Rental Yields and Advice”, highlighted the competitive property investment features of Malaysia in relation to other ASEAN members.
- Malaysia stood at 3.72%, 4.0% and 5.0% level, with regard to Gross Rental yield per annum, Buy to Let Rating and Effective Capital Gains Tax, respectively.
- In short, our fiscal policy promotes cash flexibility and facilitates tax efficient investing, by allowing tax-loss harvesting and taxable investment returns at minimal rate.

Reform in Tax Administration

- Modern technology designed for use value and customer oriented, in administrative tax reforms, is imperative.
- Efficiency and effectiveness of tax operations and services, correlates with ICT budgeting, staffing and electronic/digital application.
- Electronic communication services have been enhanced digitally for better automation and opportunities, to facilitate service demand.
- Investors and taxpayers could obtain tax information and comply with tax law anytime and anywhere by using smart devices to access online facilities.
- The number of electronic usage increased from a single digit million in 2010 to more than 70 million in 2020. Filing corporate tax form is 100% electronic. Stamp duty service and payment is rising to more than 85% electronic.

CONCLUSION

- As for Malaysia, the positive role of Tax Incentives on GDP and FDI, has been contained until late 2000s. Fiscal Incentives gradually lost economic momentum over the last decade. The growing wave of Tax Incentives in our low tax landscape, impacted significant corporate tax growth and equities.
- Recent slow and low level of FDI net inflow, implies the limitation role of fiscal incentives, in attracting investment.
- Slow tax growth has distorted government fund, adding to the growing government expenditure, both worsening fiscal deficits.
- It is timely to pursue a secure investment-revenue-future, emphasising on non-fiscal model, for inclusive growth of FDI. If in need Tax Incentives must be designed effectively with a comprehensive regularise formula.



Semak status cukai anda di e-Lejar
<https://mytax.hasil.gov.my>

Maklumat
Bayaran / PCB

Status
Terkini Lejar



*CKHT : Cukai
Keuntungan
Harta Tanah



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Webinar Series

CTIM Tax Audit and Investigation Roadshow 2022: Discussion Forum on Updates and Issues

OLEH: **BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI, JABATAN KHIDMAT KORPORAT**

Susulan kejayaan webinar *Tax Audit & Investigations* pada tahun 2021 yang disampaikan oleh Encik Khairul Halimin bin Abdul Halim selaku Pengarah Jabatan Siasatan bersama-sama Encik Jafni bin Hashim, Timbalan Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai; *Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)* telah meneruskan penganjuran webinar bersiri *CTIM Tax Audit and Investigation Roadshow 2022 : Discussion Forum On Updates and Issues* dan melibatkan ahli panel dari kalangan Pengarah-pengarah Negeri HASiL.

Objektif webinar bersiri ini adalah untuk perbincangan isu-isu terkini berkaitan prosedur audit cukai dan siasatan dan mendapatkan maklum balas peserta mengikut lokaliti sesi program.

Webinar ini bersiaran langsung dari lapan (8) lokasi / negeri selama dua (2) jam dari 14 Februari 2022 sehingga 26 Mei 2022 dengan skop perbincangan yang meliputi inisiatif HASiL dalam penyesuaian dengan norma baharu iaitu:

- Memfokuskan aktiviti penguatkuasaan kepada pembayar cukai yang tidak patuh.
- Tempoh ansuran lanjutan.
- Tempoh lanjutan diberikan untuk menyerahkan dokumentasi semasa PKP,
- Pengeluaran Soalan Lazim,
- Penggunaan mesyuarat dalam talian dan e-mel untuk komunikasi dengan pembayar cukai, dan
- Penyampaian perkhidmatan yang berterusan.

Selaras juga dengan usaha kerajaan di bawah pelaksanaan PEMERKASA, HASiL akan terus memastikan pembayar cukai yang terjejas dapat bangkit semula, dan mereka yang mendapat manfaat daripada keadaan semasa akan membayar cukai mereka dengan sewajarnya.

Antara pembentang HASiL yang terlibat dalam siri webinar ini adalah :



PEMBENTANG	JAWATAN	TARIKH	LOKASI
PUAN NORHANADIA SAMSUDIN	<i>Pengarah Negeri</i>	14 Februari 2022	Perak
ENCIK CHAKNGARI @ YUSOF BIN DAUD	<i>Pengarah Negeri</i>	21 Februari 2022	Pahang / Kelantan / Terengganu
PUAN ZUBAIDAH BINTI HAMZAH	<i>Pengarah Negeri</i>	28 Februari 2022	Negeri Sembilan / Melaka
YBHG DATO' ABDUL KHALID YUNUS	<i>Pengarah Negeri</i>	7 Mac 2022	Pulau Pinang
ENCIK SHAMROL AZLY AZMI	<i>Pengarah Negeri</i>	1 April 2022	Sabah
ENCIK MD KAMAL JOHAN	<i>Pengarah Negeri</i>	18 April 2022	Johor
ENCIK ABANG EHSAN BIN ABANG ABU BAKAR	<i>Pengarah Negeri</i>	17 Mei 2022	Sarawak
YBRS. ENCIK ABU TARIQ JAMALUDDIN	<i>Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan)</i>	26 Mei 2022	Lembah Klang

PANELISTS FROM HASIL



Mr Abu Tariq Bin Jamaluddin Samsudin
Deputy Chief Executive Officer
(Compliance)



Mr Md Kamal bin Johan
State Director, Johor



Mr Chakngari@Yusof bin Daud
State Director, Pahang



YBhg. Dato' Abdul Khalid bin Yunos
State Director, Penang



Mr Abang Ehsan bin Abang Abu Bakar
State Director, Sarawak



Ms Zubaidah binti Hamzah
State Director,
Negeri Sembilan/Melaka



Ms Norhanadia binti Samsudin
State Director, Perak



Mr Shamrol Azli bin Azmi
Section Director, Sabah

“BUILDING SUSTAINABLE FUTURE” : HASIL – MEF TAX WEBINAR 2022

OLEH: BAHAGIAN PENDIDIKAN CUKAI, JABATAN KHIDMAT KORPORAT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bersama-sama Malaysian Employers Federation (MEF) telah menganjurkan HASiL - MEF Tax Webinar 2022 bertemakan “Building Sustainable Future”. Program yang dianjurkan dalam tiga (3) siri ini dilaksanakan melalui penstriman langsung dari ibu pejabat HASiL dan MEF melibatkan kehadiran jemputan daripada kedua-dua pihak. Webinar ini menyasarkan peserta dalam kalangan majikan, peniaga, pihak yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan penggajian pekerja, pengamal percukaian serta yang setara dengannya.

Objektif pelaksanaan webinar ini adalah bagi menjelaskan berkenaan pindaan terkini cukai pendapatan individu berdasarkan Bajet 2022, insentif-insentif cukai yang diberikan berkaitan Covid-19 dan layanan cukai berhubung ganjaran dan pampasan. Webinar ini juga berkongsi berkenaan layanan cukai bagi ekspatriat dan pekerja asing di Malaysia. Selain itu, turut dibincangkan adalah berkenaan tanggungjawab majikan dan audit majikan, serta ia menjadi platform kepada peserta untuk bertanyakan soalan terus kepada pembentang.

SIRI	JUMLAH PESERTA	TAJUK	PEMBENTANG
SIRI 1 : 30 Mac 2022	272 orang	<i>Budget 2022: Individual Tax & Covid-19 Incentives</i>	Puan Nor Aizan Abd Wahab, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Gratuity</i>	Puan Nor Aizan Abd Wahab, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Taxation of Expatriates and Foreign Workers in Malaysia</i>	Encik Syarein Abu Samah, Cawangan Tidak Bermastautin
		<i>Employer's Audit Framework: The Way Forward</i>	Encik Jafni Hashim, Jabatan Pematuhan Cukai
		<i>Quality of Taxpayer Services and Tax Education: The Key Tools to Improve Compliance</i>	Puan Roshida Daud, Jabatan Operasi Cukai
SIRI 2 : 26 Mei 2022	1,120 orang	<i>Budget 2022: Individual Tax & Covid-19 Incentives</i>	Encik Mohd Fazil Zainal Azman, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Gratuity</i>	Puan Nor Aizan Abd Wahab, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Taxation of Expatriates and Foreign Workers in Malaysia</i>	Encik Azhar Ismail, Cawangan Tidak Bermastautin
		<i>Employer's Audit Framework: The Way Forward</i>	Encik Hafizuddin Mohd Imanuddin, Jabatan Pematuhan Cukai
		<i>Roles and Responsibilities of Employer</i>	Puan Dayangku Salawaty Awgku Dzulkarnain, Jabatan Operasi Cukai
SIRI 3 : 22 Jun 2022	1,000 orang	<i>Budget 2022: Individual Tax & Covid-19 Incentives</i>	Encik Mohd Fazil Zainal Azman, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Gratuity</i>	Puan Nor Aizan Abd Wahab, Jabatan Dasar Percukaian
		<i>Taxation of Expatriates and Foreign Workers in Malaysia</i>	Puan Norazlina Ibrahim, Cawangan Tidak Bermastautin
		<i>Employer's Audit Framework: The Way Forward</i>	Encik Paul Anak Sarip, Jabatan Pematuhan Cukai
			Puan Dayangku Salawaty Awgku Dzulkarnain, Jabatan Operasi Cukai



Antara hebahan yang digunakan dalam promosi kepada warga HASiL dan kumpulan sasar.



Sebahagian daripada urus setia daripada HASiL serta MEF yang terlibat



Sebahagian daripada penceramah yang bersiaran dari ibu pejabat MEF.



Antara persediaan dan prosedur kesiapsiagaan yang dilakukan bagi memastikan kelancaran program.

KONVENSYEN SIASATAN KALI KE-10 TAHUN 2022

OLEH: SUHAIDA SUKANI, JABATAN SIASATAN

Konvensyen Siasatan Kali Ke-10 anjuran Jabatan Siasatan telah diadakan pada 14-16 Jun 2022 di Pulau Pinang. Dengan tema Siasatan Berinovasi, Pematuhan Berkualiti, konvensyen ini melibatkan seramai 212 penyertaan pegawai-pegawai penyiasat daripada 16 Cawangan Siasatan (CSi) seluruh Malaysia.

Penganjuran konvensyen ini merupakan usaha berterusan Jabatan Siasatan untuk memantapkan dan meningkatkan kualiti kerja pegawai penyiasat dalam pengendalian kes siasatan. Di samping itu, platform ini adalah bagi memastikan kecemerlangan pencapaian aktiviti siasatan dapat dilestarikan serta mendukung aspirasi pengurusan tertinggi dalam menyediakan perkhidmatan percukaian yang profesional.

Selain dapat menghimpunkan pegawai-pegawai penyiasat dari seluruh Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan, konvensyen yang diadakan secara dwitahunan ini juga memberi pendedahan kepada pegawai penyiasat berkenaan hala tuju dan transformasi siasatan.

Pelbagai pengisian dengan topik-topik yang menarik dan relevan telah disusun bagi memberi panduan ke arah penambahbaikan dalam aktiviti siasatan. Antara pengisian konvensyen siasatan pada kali ini adalah:

PANEL	MODERATOR
EN. HASLEY BIN TAJUDIN Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	
EN. ADAM ARIFF BIN MOHD ROSLAN Bank Negara Malaysia	
YBHG. DATUK IZANI BIN WAN ISHAK Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	PN. JEMA'AH BINTI SEDEK Pengarah CSi Kuching
SAC RAJAGOPAL A/L RAMADHASS Polis Diraja Malaysia	PN. SHAZMIN BINTI SHAMSUL ARIFFIN Pengarah CSi Johor Bahru
I. EN. SHAHRUL NIZA BIN BISHHRIN (Pengarah CSi Kuala Lumpur)	EN. VIJAYEN A/L NAGALINGHAM Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan
II. PN. ROZINA BINTI JOHAN (Pengarah CSi Putrajaya)	
III. EN. MATHAN A/L KALIAPPAN (Pengarah CSi Klang)	
YBRS. EN. ABU TARIQ BIN JAMALUDDIN Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan)	YBHG. DATO' ADENAN BIN CHE SEMAIL Pengarah Jabatan Siasatan

Hari terakhir Konvensyen Siasatan diserikan dengan majlis makan malam yang bertemakan Hawaiian Floral. Dalam majlis tersebut, sebanyak 19 anugerah telah disampaikan kepada Cawangan Siasatan dan juga pegawai-pegawai penyiasat yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta menjadi harapan kepada Cawangan Siasatan. Penyampaian anugerah ini adalah sebagai tanda pengiktirafan serta apresiasi Jabatan Siasatan kepada Cawangan Siasatan agar dapat meningkatkan lagi budaya kerja yang cemerlang dan memberi motivasi kepada pegawai penyiasat untuk terus memberikan prestasi yang terbaik.

Semoga segala rumusan yang diperoleh sepanjang konvensyen ini berlangsung dapat dimanfaatkan demi melakar kejayaan yang berterusan.



YBhg. Datuk Mohd. Nizom Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL bersama-sama urus setia Konvensyen Siasatan Kali Ke-10



YBhg. Datuk Mohd. Nizom Sairi merakamkan kenangan bersama-sama peserta Konvensyen Siasatan Kali Ke-10



Antara pengisian dan tetamu jemputan Konvensyen Siasatan Kali Ke-10



Antara pengisian dan tetamu jemputan Konvensyen Siasatan Kali Ke-10



Antara pengisian dan tetamu jemputan Konvensyen Siasatan Kali Ke-10



Perasmian Lawatan Konsultasi Hasil (LKH) & Keluarga Hasil dan Komuniti (HATI) Peringkat Nasional yang disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASIL



Simbolik Pelepasan Skuad Lawatan Konsultasi Hasil (LKH) & Keluarga HASIL dan Komuniti (HATI)

LAWATAN KONSULTASI HASIL & PROGRAM KELUARGA HASIL DAN KOMUNITI (HATI)

SUSUNAN: JABATAN PERISIKAN DAN PROFILING

Program Keluarga HASIL dan Komuniti (HATI) merupakan penjenamaan semula bagi program Kunjungan Mesra Hasil (KMH). Melalui program ini, Jabatan Perisikan dan Profiling (JPDP) dapat memperluas jaringan pembayar cukai dengan pendekatan turun padang mendampingi masyarakat setempat untuk berkongsi maklumat berkaitan hal ehwal percukaian.

JPDP merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pemantauan serta pemerkasaan fungsi perisikan dan profiling telah menganjurkan Program Lawatan Konsultasi Hasil (LKH) & Keluarga HASIL dan Komuniti (HATI) Peringkat Nasional Bil.1/2022 yang berlangsung pada 21 sehingga 23 Jun 2022 di Kuantan, Pahang. Program ini melibatkan 1,429 orang Hasilian daripada JPDP, PPN Negeri Pahang, Cawangan Kuantan dan semua cawangan HASIL seluruh Malaysia.

Tujuan utama program ini adalah untuk:

- i) Mewujudkan jalinan kerjasama antara HASiLian, masyarakat setempat dan agensi secara berterusan,
- ii) Memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan cukai dalam pembangunan negara,
- iii) Meningkatkan mutu penyampaian melalui konsep turun padang,
- iv) Mengumpul maklumat lokaliti secara komprehensif, dan
- v) Membudayakan taxman dan semangat berpasukan dalam kalangan HASiLian.

Pelbagai aktiviti penguatkuasaan dan pendidikan percukaian telah diadakan, antaranya:

- i) Pelancaran Geohasil,
- ii) Lawatan Banci Bisnes,
- iii) Kunjungan Hormat,
- iv) Perkhidmatan Kaunter,
- v) Serahan Tangan,
- vi) Serahan Notis Akhir,
- vii) Tanggungjawab Sosial Korporat, dan
- viii) Lawatan Konsultasi Hasil

Aplikasi Geohasil merupakan inisiatif baharu evolusi digitalisasi dalam memudahkan cara kerja HASiL yang lebih moden dan terkini. Ia telah dibangunkan sendiri oleh HASiL melalui kepakaran dalaman. Adalah diharapkan agar penganjuran program dan pelancaran aplikasi Geohasil ini dapat mewujudkan DNA *taxman* dalam jiwa setiap Hasilian bagi memantapkan pelaksanaan operasi, penguatkuasaan dan meningkatkan kadar pematuhan secara sukarela dalam kalangan rakyat Malaysia.

HASiL-TAXPLORACE SEMPENA PROGRAM KEMENTERIAN KEWANGAN BERSAMA PELANGGAN

SUSUNAN: BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN MULTIMEDIA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan jayanya telah menganjurkan HASiL-Taxplorace bersama 35 pasukan yang terdiri daripada 210 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di seluruh negeri Pahang sempena Program Kementerian Kewangan Bersama Pelanggan di Kuantan, Pahang pada 24 dan 25 Jun 2022.

Penyampaian hadiah kepada semua pemenang dalam program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 1 dan YBhg. Datuk Suhaili Sudin, Pengarah HASiL Negeri Pahang. Johan telah dimenangi oleh mahasiswa UIAM yang membawa pulang hadiah wang tunai RM500, hamper, cenderamata HASiL dan e-sijil. Naib johan pula disandang oleh peserta daripada DRB HICOM University, manakala pemenang tempat ketiga adalah penuntut UNITEN dengan masing-masing membawa pulang hadiah kemenangan RM300

dan RM250 bersama-sama hamper, cenderamata HASiL dan e-sijil.

Selain itu, HASiL juga telah membuka gerai pameran bagi memenuhi keperluan percukaian pantas kepada pengunjung yang hadir. Antara persoalan yang diterima oleh pegawai adalah berkaitan dengan percukaian individu, penggunaan aplikasi MyTax, maklumat asas berkaitan percukaian dan bantuan khas kerajaan.

Program yang turut disertai oleh agensi-agensi di bawah seliaan Kementerian Kewangan tersebut menyediakan pelbagai pengisian menarik bersama-sama masyarakat setempat, termasuklah pameran, sesi bersama agensi, majlis pelancaran buku dan perasmian Dewan Dato' Sri Abdul Manan Ismail. Majlis penutup bagi program selama dua hari ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang.



Program Kementerian Kewangan Bersama Pelanggan yang diadakan di perkarangan Dewan Dato' Sri Abdul Manan Ismail, Kuantan, Pahang



Peserta HASiL Taxplorace bersama-sama pegawai di 'checkpoint' yang ditetapkan oleh penganjur



Perbincangan dan semakan dibuat untuk menyelesaikan soalan yang disediakan



Antara pengunjung yang hadir mendapatkan khidmat nasihat percukaian daripada HASiLian



YB Dato' Indera Mohd Shahrar Abdullah dan YBhg. Datuk Suhaili Sudin menyampaikan hadiah kepada johan HASiL-Taxplorace

Konvensyen Operasi Tahun 2022

SUSUNAN: JABATAN OPERASI CUKAI

Jabatan Operasi Cukai (JOC) merupakan pemilik proses yang bertanggungjawab dalam memantapkan strategi operasi percukaian bagi memastikan prosedur kerja, polisi, sistem serta pengurusan data yang efektif dan efisien seiring dengan pembangunan Transformasi Digital. Selaras dengan itu, JOC telah menganjurkan Konvensyen Operasi Tahun 2022 pada 18 sehingga 21 Julai 2022 di Hotel Perdana, Kota Bharu Kelantan dengan tema “Digital Transformation Towards Seamless Operations”.

Tema ini adalah sejajar dengan evolusi perkembangan teknologi dan amalan pentadbir percukaian antarabangsa dalam mengadaptasikan Transformasi Digital ke arah meningkatkan pematuhan cukai, memberikan perkhidmatan terbaik kepada pembayar cukai dan meningkatkan pengurusan organisasi. Seluruh pentadbir percukaian antarabangsa termasuk HASiL sentiasa memastikan penggunaan teknologi dan pendigitalan digunakan secara komprehensif. Pada masa ini, kerajaan juga mendorong semua pihak untuk terus menguasai transformasi digital agar kekal berdaya saing dan progresif. Komitmen berterusan dalam memantapkan transformasi digital berupaya untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus yang lebih cekap, memastikan kecekapan pengurusan operasi organisasi sekali gus menjadikan perkhidmatan percukaian lebih efisien, yang kemuncaknya akan memberi kesan kepada pematuhan dan peningkatan hasil cukai.

Seramai 136 orang peserta terdiri daripada pengurus dan ketua unit dari cawangan-cawangan seluruh negara serta jawatankuasa penganjur telah berkongsi idea, pendapat dan membincangkan isu-isu berkaitan operasi melalui platform ini yang bertujuan untuk menambah baik dan memantapkan sistem operasi bagi meningkatkan pengurusan organisasi.

Antara pengisian simposium tersebut adalah:

- i. Pembentangan fungsi dan penambahbaikan proses kerja setiap bahagian
- ii. Sesi isu-isu berbangkit dan cadangan penambahbaikan

Konvensyen ini diharapkan dapat memberikan peserta pemahaman yang lebih jelas berkaitan strategi yang telah digariskan untuk pelaksanaan di cawangan bagi memperkemas strategi operasi di cawangan masing-masing. Pandangan, input, cadangan dan maklum balas yang diterima daripada cawangan akan digunakan bagi melaksanakan agenda ‘Reform & Transform’ pementapan operasi percukaian.



Amanat ucapan perasmian YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Sotimin bin Muhalip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)



Majlis Perasmian Konvensyen Operasi Tahun 2022



Sesi Pembentangan oleh YBrs. Cik Norhayati binti Mat Kassim berkaitan prosedur pengoperasian dan polisi bagi memantapkan strategi operasi percukaian



Peserta menumpukan perhatian terhadap sesi pembentangan



Majlis Makan Malam yang dihadiri oleh YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASIL

Tahniah

CIK HANNANI ADRIANA SHAMSUL AZIZAN

PINGAT GANGSA SUKAN SEA 2021

Tahniah Cik Hannani Adriana Shamsul Azizan
(Cawangan Pembayar Cukai Besar)
kerana memperolehi pingat gangsa
bagi acara Futsal di Sukan SEA 2021 Vietnam.

19 Mei 2022



Tahniah

HASILIAN

**JUARA (KATEGORI WANITA)
CUCKOO MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE (MPFL) 2022**

Tahniah diucapkan kepada
Cik Syazalina Mohd Affandi & Cik Hannani Adriana Shamsul Azizan
dari Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)
yang mewakili pasukan Melaka,
yang telah menjadi juara (kategori wanita)
Cuckoo Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2022.

Pada 24 Mac 2022



Tahniah

Pasukan HASIL

Juara SUKANUNVE 2022

Buat julung kalinya HASIL mengungguli Sukan Badan Berkanun Virtual Edition (SUKANUNVE) 2022 yang telah dikelolakan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM).

HASIL telah memenangi 1 Emas dan 2 Perak yang telah disumbangkan oleh:



Emas - FIFA 2022
Encik Amirul Ashraf Bin Amiruddin
(Cawangan Kuantan)



Perak - FIFA 2022
Encik Abdul Mueez Bin Zainal
(Cawangan Kota Bharu)



- Perak - Mobile Legend Bang Bang**
1. Encik Muhammad Mujahid Bin Abd Rahman
(Cawangan Wangsa Maju)
 2. Encik Muhammad Nashrul Fitri Bin Noor Hamdan
(Cawangan Wangsa Maju)
 3. Encik Muhammad Zharif Bin Mohamad Zaini
(Cawangan Seremban)
 4. Encik Muhammad Murshid Bin Ibrahim
(Cawangan Johor Bahru)
 5. Encik Norman Asbi Bin Md Faris
(Cawangan Johor Bahru)
 6. Encik Muhammad Ilyas Bin Ismail
(Cawangan KL Bandar)



21-23 Jun 2022
ESI Spacerubix, Puchong, Selangor





TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI MAJIKAN

Peruntukan Seksyen 2, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 menakrifkan majikan, berhubung dengan sesuatu penggajian, bermaksud :

- a) Majikan (tuan), di mana wujud perhubungan di antara majikan dan pekerja (orang suruhan);
- b) Jika perhubungan di antara majikan dan pekerja tidak wujud, ia adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.

Berikut merupakan tanggungjawab majikan dalam aspek percukaian:

- 1) Mendaftar nombor cukai majikan (E) sebagai rujukan apabila berurusan dengan HASiL;
- 2) Membuat potongan cukai bulanan (PCB) daripada saraan pekerja berdasarkan Jadual PCB atau kaedah pengiraan berkomputer dan remitkan amaun PCB kepada HASiL sebelum atau pada 15hb dalam bulan berikutnya. Majikan hanya boleh menggunakan aplikasi e-PCB, e-Data PCB atau e-CP39 yang disediakan melalui Portal Rasmi HASiL bagi tujuan pengemukaan penyata PCB atau data PCB pekerja.
- 3) Mengemukakan penyata oleh majikan (Borang E) bersama C.P.8D sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya :
- » Majikan (syarikat dan syarikat Labuan) adalah wajib mengemukakan Borang E melalui e-Filing (e-E) mulai saraan bagi tahun 2016.
- » Borang E hanya akan dianggap lengkap sekiranya C.P.8D dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar C.P.8D.;
- 4) Menyedia dan menyerahkan penyata saraan iaitu Borang C.P.8A (Borang EA) bagi pekerja swasta atau Borang C.P.8C (Borang EC) untuk penjawat awam kepada setiap pekerjanya pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari dalam tahun berikutnya;
- 5) Memaklumkan kepada Ketua Pengarah HASiL (KPHDN) nama, alamat, terma dan tarikh permulaan penggajian pekerja dikenakan cukai atau yang mungkin dikenakan cukai dalam tempoh sebulan;
- 6) Menyedia dan memberikan salinan penyata bayaran insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai kepada ejen, pengedar atau pengagih (Borang C.P.58) sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya;
- 7) Menjaga dan menyimpan rekod selama tempoh 7 tahun dan memastikan rekod tersebut mudah dicapai oleh HASiL jika diperlukan;
- 8) Menyedia dan mengemukakan borang berikut (jika berkenaan) :

Borang	Tarikh Akhir	Kaedah Pengemukakan
Borang CP22 Pemberitahuan pekerja baharu	Dalam tempoh 30 hari selepas penggajian bermula	Borang boleh dikemukakan ke mana-mana pejabat HASiL
Borang CP22A Pemberitahuan pemberhentian kerja atau pemberhentian disebabkan kematian bagi pekerja di sektor swasta	Tidak kurang 30 hari sebelum pemberhentian kerja; atau Tidak lebih 30 hari selepas dimaklumkan kematian	Borang boleh dikemukakan sama ada: <ul style="list-style-type: none"> secara dalam talian melalui e-SPC; atau ke pejabat LHDNM yang mengendalikan nombor cukai pendapatan pekerja
Borang CP22B Pemberitahuan pemberhentian kerja atau pemberhentian disebabkan kematian bagi pekerja di sektor awam		
Borang CP21 Pemberitahuan pekerja meninggalkan Malaysia melebihi 3 bulan	Tidak kurang 30 hari sebelum tarikh dijangka berlepas	

- 9) Menahan apa-apa wang yang boleh dibayar kepada pekerja selama 90 hari atau sehingga surat penyelesaian cukai diterima bagi kes pemberhentian kerja, pemberhentian disebabkan kematian atau meninggalkan Malaysia melebihi tiga (3) bulan tanpa niat untuk kembali.



HASIL EDU4U : AKTIVITI PENDIDIKAN CUKAI HASIL

SUSUNAN : BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN MULTIMEDIA, JABATAN KHIDMAT KORPORAT

SEMBANG SANTAI INFO CUKAI PENGHANTARAN BORANG BE TAHUN TAKSIRAN 2021



- TARIKH** : 5 April 2022
- ANJURAN** : Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat
- PENCERAMAH** : Encik Fizree Md Fauzi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Dan Encik Mohamad Nasir Mohamed Nazri, Jabatan Khidmat Korporat

PROGRAM KESEDARAN CUKAI KEPADA ATLET DAN WARGA SUKAN NAUNGAN MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)



- TARIKH** : 11 – 13 April 2022
- ANJURAN** : Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat Dan Cawangan Cheras
- PENCERAMAH** : Puan Elia Nadira Zainudin, Jabatan Khidmat Korporat

SEMBANG SEMBANG
ASNB
Webinar

ELAK JADI MANGSA SCAMMER MENYAMAR LHDN

15 APRIL 2022 | 10.30 AM - 12.00 PM | Webinar ID: 960 8380 1745
JUMAAAT | Passcode: 205651

EN SAIDUL SAHRI BIN ALKAMAL
Ketua Penolong Pengarah
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Sertai Pop Quiz & Menangi Tambah Nilai eWallet Touch 'n Go

Imbas untuk menyertai

Zoom

TARIKH : 15 April 2022
ANJURAN : Amanah Saham Nasional Berhad
PENCERAMAH : Encik Saidul Sahri Alkamal, Cawangan Duta (Perniagaan)

TAX GOVERNANCE – DO YOU HAVE THE RIGHT PROCESSES?

**Tax Governance –
Do you have the right processes?**

LIVE Webcast

Thursday, 12 May 2022 | 10.00 a.m. – 11.30 a.m.

TARIKH : 12 Mei 2022
ANJURAN : Deloitte
PENCERAMAH : Encik Jafni Hashim, Jabatan Pematuhan Cukai

EXPERIENCES AND CHALLENGES ON DIGITALIZATION EFFORT : MALAYSIA'S PERSPECTIVE



- TARIKH** : 12 Mei 2022
- ANJURAN** : Asian Development Bank (ADB) Dan World Bank Group (WBG) Dengan Kerjasama SGATAR Dan National Tax Agency Of Japan
- PENCERAMAH** : Encik Syarein Abu Samah, Cawangan Tidak Bermastautin

IRBM'S STRATEGIES, ACTIONS AND EXPERIENCES IN TRANSFER PRICING AUDIT OR INVESTIGATION



- TARIKH** : 26 Mei 2022
- ANJURAN** : Malaysia Institute Of Accountants (MIA) – Malaysian Associations Of Tax Accountants (M.A.T.A)
- PENCERAMAH** : Encik Ahmad Imran Zamzam, Cawangan Cukai Multinasional

SEMBANG SANTAI INFO CUKAI : PENGHANTARAN BORANG B TAHUN TAKSIRAN 2021



- TARIKH** : 8 Jun 2022
- ANJURAN** : Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat
- PENCERAMAH** : Puan Fatin Atiqah Rahim Dan Encik Mohamad Nasir Mohamed Nazri, Jabatan Khidmat Korporat

FORUM PENDIDIKAN MAJIKAN : CUKAI PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA



- TARIKH** : 13 Jun 2022
- ANJURAN** : Social Protection Learning Centre (SPLC), Epf Learning Campus (ELC)
- PENCERAMAH** : Encik Safawi Bin Sa'aid, Jabatan Operasi Cukai

THE SECRET TO LIVING IS GIVING : HOW TO BECOME A PHILANTHROPIST?



BY : TONY ROBBINS

When you serve something greater than yourself, whether it be your family, your local community or at a global level, you discover a deeper purpose and create more meaning in your life. In the U.S. there is a strong culture of philanthropy – high net worth individuals who have chosen to donate financial resources to communities and causes that need support.

Famous philanthropists make their impact in the world by giving back a portion of their monetary wealth. Even if you don't have large pools of capital to deploy into non-profits or other recipients, you can still give – your time, your energy, or whatever resources you have that you'd like to share. In this way, everyone can become a philanthropist.

WHAT IS A PHILANTHROPIST?

To find the keys to becoming a philanthropist, no matter your financial means, let's take a deeper look at the question, "What is a philanthropist?"

In short, a philanthropist is someone who donates their money, experience, time, talent or skills to help others and create a better world. Though we often think of them as people who have millions of dollars to donate, you don't have to be a famous philanthropist with a huge net worth to qualify. This is just one of a few misconceptions about how to be a philanthropist.

WHAT ARE THE BENEFITS OF BEING A PHILANTHROPIST?

Most philanthropists aren't in it for fame or recognition. The biggest benefit of being a philanthropist is that it fulfills some of our deepest human needs. We all have these needs: certainty, significance, variety, love/connection, growth and contribution. Which of these needs is most important to us and the ways we go about fulfilling them are what make us who we are.

Philanthropy fulfills our need for contribution. Have you ever reached a major milestone in your life – your dream job, starting a business, financial freedom – and wondered why you still feel like something is missing? It's likely because you're not fulfilling your need for contribution. It is not what we get, but who we become and what we contribute that gives meaning to our lives.

Being a philanthropist can actually improve your own life, too. The law of attraction states that we get back the energy we put into the world. By focusing on giving back, making a difference and creating positive change, you'll create a cycle that brings abundance back to you tenfold.

IS THERE A DIFFERENCE BETWEEN CHARITY AND PHILANTHROPY?

Charity is the actual action that is taken to improve someone's life: stocking shelves at a food bank like Tony's Feeding America project, building shelters for refugees or providing medical care after a disaster. As an organization, a charity is the entity that coordinates and supplies these on-the-ground services.

Philanthropy is what supplies charities with the funds, personnel and equipment they need. So what is a philanthropist versus a volunteer? They share many similarities, but philanthropy is a strategic process in which donations of time, skills and/or money are made in order to address a systemic or social issue.

HOW TO BECOME A PHILANTHROPIST?

Famous philanthropists have ample resources at their disposal and nearly unlimited opportunities to help others. They have the funds to make a big difference and the social capital to spread their message. You might not have these same resources at your disposal, but you still have the opportunity to make a positive impact. If you can't donate goods or money, donate your time or skills. The meaning of being a true philanthropist isn't about money – it's about passion.

1. STAY LOCAL

There are many ways that you can give back to your local community without spending money. Serve at a soup kitchen or stock donations at a food pantry. Make boxes for a meal delivery service. Volunteer with an after-school program, become a mentor to at-risk youth or work at a community centre. Find a local cause that speaks to you and donate your time.

2. RAISE AWARENESS

What is a philanthropist if not someone who uses their position to help better the lives of others? You may not have as much money as famous philanthropists, but you still have plenty to be grateful for. Advocating for a group less fortunate than yourself is the ultimate way to become a philanthropist without spending a cent.

3. USE YOUR SKILLS OR EXPERIENCE

Everyone has gifts, and many of those gifts are useful when it comes to how to become a philanthropist. Use writing skills to create marketing materials or write grants for a non-profit. Teach math or reading to disadvantaged kids. If you have knowledge about a specific topic, like the law, accounting or regulations in a certain industry, use it for good.

4. SET ASIDE A SMALL PORTION OF YOUR PAYCHECK

Even five dollars a week adds up to more than \$250 per year. Save a small amount each week, then make an annual donation at a certain time of year. Donate school supplies in the fall, holiday gifts in the winter or books for summer reading at the beginning of the break.



Tony Robbins is an entrepreneur, #1 NY Times bestselling author, philanthropist, and The US #1 life & business strategist.

Source : <https://www.tonyrobbins.com/giving-back/famous-philanthropists/>

HASIL PRIHATIN

PEMBERIAN SUMBANGAN KEWANGAN BAGI PROGRAM BACK TO SCHOOL 2022



TARIKH : 20 Januari 2022

PENERIMA : Persatuan Belia Seri Cempaka, Lembah Pantai, Kuala Lumpur

SUMBANGAN PEK MAKANAN ANJURAN BERSAMA BADAN KEBAJIKAN KAKITANGAN ISLAM (BAKIS) HASIL CAWANGAN KENINGAU DAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS)



TARIKH : 13 April 2022

PENERIMA : 20 Keluarga Golongan Asnaf Kampung Sodomon, Keningau.

CSR LHDNM – TABUNG SUMBANGAN RAMADAN HASILIAN LABUAN 2022 ANJURAN PERSATUAN KEBAJIKAN ISLAM HASIL (PEKASIL) HASIL CAWANGAN W.P. LABUAN



TARIKH : 13 – 15 April 2022

PENERIMA : Masjid, Surau Dan Maahad Tahfiz Terpilih Sekitar W.P. Labuan

PEMBERIAN SUMBANGAN KEWANGAN KEPADA RUMAH ANAK-ANAK YATIM SEMPENA PROGRAM IHYA' RAMADAN HASIL TAHUN 2022



TARIKH : 12 April 2022

PENERIMA : 10 Buah Rumah Kebajikan dan Pusat Jagaan Sekitar Lembah Klang

KEMAHIRAN INTERPERSONAL, SEKADAR UNTUK KERJAYA ATAU PERLU ADA?

SUSUNAN: BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN MULTIMEDIA, JABATAN KHIDMAT KORPORAT

Dalam menghadapi kehidupan seharian, tidak dapat dinafikan, kita akan berurusan dengan orang sekeliling. Sama ada bagi keperluan tugas mahupun urusan peribadi, setiap daripada kita akan bertemu dengan pelbagai kumpulan dan ragam manusia. Jika berjumpa dengan individu yang mempunyai personaliti dan sahsiah yang menyenangkan, maka lancarlah segala urusan kita pada hari itu. Namun, bagaimana pula sebaliknya?

Selain berkebolehan dalam melaksanakan keperluan tugas, kita sering mendengar betapa pentingnya seseorang itu mempunyai *soft skill* sebagai nilai tambah yang mula dititikberatkan, terutamanya dalam era pekerjaan yang semakin mencabar. Kemahiran

sebegini merupakan suatu cabang penting yang diberi penekanan oleh majikan masa kini dalam menyaring calon pekerja baharu. Ini disebabkan keputusan yang mungkin dilihat enteng pada awalnya, namun akan memberikan impak positif yang berpanjangan kepada organisasi. Terdapat dua kemahiran yang sentiasa mendapat perhatian daripada majikan iaitu **Kemahiran Interpersonal** dan **Kemahiran Berkemunikasi**. Ya, mungkin kemahiran ini menjurus ke arah maksud yang seakan-akan sama, namun nilai dan impak yang terhasil ada perbezaannya.

Kemahiran interpersonal merujuk kepada pelbagai kebolehan yang diperlukan oleh pekerja agar dapat berinteraksi dengan berkesan dengan pekerja lain, termasuk

cara berkomunikasi, berinteraksi, berkelakuan dan sebagainya. Seorang pekerja yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik mempunyai peluang yang lebih cerah untuk melakukan yang terbaik dalam organisasi. Manakala kemahiran berkomunikasi sering dikaitkan dengan keupayaan pekerja untuk berkomunikasi dengan berkesan dengan orang lain sama ada secara vokal dan juga bertulis. Dalam suasana organisasi, komunikasi boleh dianggap sebagai daya hidup utama memandangkan ia akan merencatkan perjalanan dan proses sesuatu pekerjaan sekiranya tidak dikendalikan dengan betul.

Di bawah adalah perbandingan ringkas antara **Kemahiran Interpersonal** dan **Kemahiran Berkemunikasi** :

KEMAHIRAN INTERPERSONAL	ELEMEN	KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI
Kebolehan yang diperlukan oleh individu agar dapat berinteraksi dengan berkesan dengan orang lain	DEFINISI	Keupayaan individu dalam berkomunikasi dengan berkesan dengan orang lain
Antara nilai utama yang dicari oleh majikan dalam diri pekerja	KEPENTINGAN	Antara nilai utama yang dicari oleh majikan dalam diri pekerja
Pelbagai kemahiran yang terhasil daripada komunikasi yang berkesan	FOKUS	Penumpuan kemahiran lebih kepada aspek komunikasi sahaja
Membantu individu untuk membina hubungan positif dengan pekerja lain terutama dalam tugas berkumpulan	HASIL	Membina komunikasi dua hala yang lebih berkesan
Turut meliputi aspek akauntabiliti, penyelesaian masalah, kebertanggungjawaban dan keberkesanan pengurusan	KETERAMPILAN	Hanya menyerlahkan sisi komunikasi dan gaya percakapan sahaja

Daripada maklumat di atas, dapat disimpulkan bahawa kebolehan dan kemampuan seseorang individu bukan hanya dilihat dari sudut kepakaran dalam menyelesaikan sesuatu perkara; malah ia turut melibatkan cara mereka bertindak balas dengan persekitaran harian, terutamanya jika bekerja secara berkumpulan. Benar, kemahiran sebegini mungkin tidak membabitkan semua aspek pekerjaan, tetapi ia juga penting dalam menjalin sesuatu hubungan baik dan suasana yang harmoni dengan masyarakat sekeliling.

Rujukan:

- <https://ms.weblogographic.com/difference-between-interpersonal-and-communication-skills-6141>
- <https://www.comit.ie/latest-news-from-comit/what-are-the-different-types-of-pr.798.html>



- **1 Communication**

In any situation where you're working with others, being able to express yourself clearly is key. Verbal and written communication skills are among the most common requirements that a job listing will feature.

- **2 Conflict resolution**

Whether it's resolving arguments without resorting to sticks and stones, getting different departments to agree on priorities or outcomes, or helping people reach satisfactory compromises, conflict resolution skills are always needed.

- **3 Collaboration**

No matter if you're working alongside hundreds of colleagues in an office or connecting with others remotely, the ability to cooperate and pull toward a common goal is a crucial aspect of most jobs. Skills like flexibility and teamwork speak to your abilities in this area.

- **4 Leadership**

The next step up from working well with others is taking a prominent role in managing teams and projects towards success. Leadership-related skills such as mentorship and supervision demonstrate your ability to guide others towards positive outcomes.

- **5 Empathy**

Many jobs feature responsibilities that include dealing directly with others and favor candidates who can understand and relate to people. This places a premium on skills such as empathy and patience.


Sources : <https://www.myperfectresume.com/career-center/resumes/basics/interpersonal-skills>

ISTILAH PERCUKAIAN

ISTILAH PERCUKAIAN 2/2022

BIL	ISTILAH	MAKSUD
Seksyen 2, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 mentakrifkan :		
1	Orang	Termasuk syarikat, kumpulan orang, perkongsian liabiliti terhad dan perbadanan
2	Individu	Orang sebenar
3	Pekerja	a) Pekerja (orang suruhan), di mana wujud perhubungan di antara majikan dan pekerja; b) Di mana perhubungan di antara majikan dan pekerja tidak wujud tetapi terdapat pelantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut
4	Mastautin	Berada di Malaysia untuk setiap tahun asas bagi suatu tahun taksiran menurut peruntukan Seksyen 7 atau 8, ACP 1967.
5	Ketua Pengarah	Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri seperti yang dirujuk dalam Seksyen 134, ACP 1967.

WASPADA DENGAN SCAMMER



Sekiranya anda
CURIGA,
sila dapatkan
PENGESAHAN
daripada
LHDNM



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT



**CUKAI PENDAPATAN
INDIVIDU**

Income Tax Payment For Individual



**CUKAI PENDAPATAN
SYARIKAT**

Income Tax Payment For Company



**CUKAI PENDAPATAN
MAJIKAN**

Income Tax Payment For Employer



**CUKAI PENDAPATAN
& ANDA**

Income Tax & You



**PENDAPATAN
PERNIAGAAN INDIVIDU**

Individual Business Income



EKONOMI DIGITAL

Digital Economy



**PENAMATAN
PERKHIDMATAN**

Termination Of Service



DUTI SETEM

Stamp Duty



E-DAFTAR

e-DAFTAR



**TANGGUNGJAWAB
MAJIKAN**

Responsibility Of Employer



**CUKAI KEUNTUNGAN
HARTA TANAH**

Real Property Gains Tax



CUKAI KORPORAT

Corporate Tax



CUKAI KOPERASI

Cooperative Tax



SEKATAN PERJALANAN

Stoppage Order



SISTEM E-CP39

e-CP39 System



SEKSYEN 44(6)

Section 44(6)